



Anggota Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) bersiap sedia membantu menyelamatkan mangsa banjir di kampung Padang Kijang, Tanah Merah, semalam. [FOTO MOHAMED SAHIDI YUSOFF/BH]



Penduduk Kampung Tasek Bakong, Rantau Panjang melihat kawasan rumahnya yang dinaiki air. [FOTO JAUHARIATUL AKMAL JOHAR/BH]

3 negeri dinaiki air

» Hujan berterusan sejak empat hari punca banjir

Oleh Shamsul Kamal Amarudin, Hanneeyzah Bariah Baharin, Betty Subaryati, Ramli Hussin, Jauhariatul Akmal Johar, Nojie Nadzirah, Mohd Idris Sulaiman, Rosliza Mohamed dan Asrol Awang

bhnews@bharian.com.my

► Kota Bharu

Hujan lebat yang melanda negeri ini, Terengganu dan Perak sejak beberapa hari lalu, menyebabkan beberapa kawasan di negeri terbabit dilanda banjir dan sekolah terpaksa ditutup.

Sehingga petang semalam, 401 mangsa di Kuala Krai dipindahkan ke pusat pemindahan manakala 111 mangsa di Tanah Merah, 97 lagi di Pasir Puteh dan 12 mangsa di Machang.

Pengarah Jabatan Pelajaran Kelantan, Hussin Awang, berkata 17 sekolah ditutup di Kuala Krai antaranya, Sekolah Kebangsaan (SK)

Pasir Klang; SK Kuala Nal; SK Karangan; SK Pemberian dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kuala Krai.

Katanya, turut ditutup SK Pangkal Nering; SK Temangan; SJKC Chung Hwa Temangan; SK Kg Kerila, semuanya di Machang.

"Bagi Tanah Merah pula membatikan SK Sokor; SK Ladang Kerila, SMK Ladang Kerila dan SK Kampung Panjang.

Hujan lebat berterusan

"Selain itu, hujan lebat yang berterusan itu turut menjejaskan beberapa sekolah di Pasir Mas membatikan SK Rahmat; SK Lubok Stok; SABK Diniah Kg Bongor; SK kg Baru. Sehingga semalam, dua sekolah di kawasan PPD Pasir Puteh dijadikan sebagai pusat pemindahan mangsa banjir," katanya.

Lima lagi sekolah ditutup ialah SMK Rantau Panjang; SK Kok Pau; SK Kubang Kuau; Sk Baroh Pial, SK Rantau Panjang.

Di Permaisuri, lapan sekolah di tiga daerah iaitu Setiu, Hulu Te-

rengganu dan Besut ditutup semalam akibat banjir menyebabkan lebih 1,000 pelajar tidak dapat mengikuti sesi persekolahan.

Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi dan Sumber Manusia negeri, Datuk Ahmad Razif Ab Rahman, berkata hujan berterusan sejak empat hari lalu menyebabkan laluan ke sekolah dinaiki air, malah ada sekolah turut dinaiki air.

Cuti berganti

Katanya, sekolah berkenaan dibenarkan mengambil cuti berganti berikutan kenaikan paras air dan bimbang menjejaskan keselamatan pelajar yang datang ke sekolah.

"Di Setiu sekolah yang ditutup SK Kampung Buluh; SK Kampung Besut; SK Kampung Bukit dan SK Sungai Lastiu manakala di Besut SK La. Pelajar yang datang ke sekolah diarahkan pulang.

"Di Hulu Terengganu membatikan SK Bukit Tadok; SK Padan Setebu dan SMK Kuala Jenderis, katanya.

Jurucakap bilik gerakan banjir Setiu, berkata 70 penduduk daripada 11 keluarga Kampung Merbau Menyusup dipindahkan ke masjid kampung berkenaan.

Pemindahan di tempat lain membatikan lima mangsa daripada Kampung Bukit Merah, Kampung Sungai Pinang (33), Kampung Sungai Lerek (12), Kampung Banggol Setar (9) dan bandar Permaisuri (44).

Di Ipoh, seramai 526 mangsa banjir dari empat kawasan di tiga daerah di Perak masih ditempatkan di lapan pusat pemindahan banjir sehingga jam 6 petang semalam.

Mereka adalah penduduk yang tinggal di empat penempatan di kawasan Trong dekat Taiping, Kampung Raja, Parit, dan Sadan



Guru SK Kampung Buloh, Setiu, Che Kamariah Che Hassan membawa muridnya ke tempat selamat akibat banjir, semalam. [FOTO NOJIE NADZIRA/BH]



Murid SK Kampung Buloh membantu menyelamatkan harta sekolah.



Mangsa banjir **dipindahkan ke pusat pemindahan** di Kampung Buloh, Setiu, semalam.



Penduduk kampung menunjukkan **tempat Mohammad Ariff Johan dan Muhammad Zulkhri lemas**, di Kampung Pertok Machang, semalam.

[FOTO SYAMSI SUHAIMI/BH]



Keadaan rumah penduduk di Kampung Raja dekat Parit yang dinaiki air selepas **hujan lebat berterusan selama enam jam**, semalam.

[FOTO IDRIS SULAIMAN/BH]



Penduduk Kampung Nibong, Kuala Telemong, Terengganu **membantu menyelamatkan barang** di kedai milik jirannya. [FOTO NAZDY HARUN/BH]

Camp di daerah Perak Tengah dan Kampung Padang Serai di daerah Manjung.

Di daerah Perak Tengah pula 216 orang membabitkan 52 keluarga ditempatkan di Dewan Orang Ramai Kampung Raja, Belanja Kanan, Parit dan 117 orang (20 keluarga) di SAR Parit 4, Parit.

Di **Kuantan**, rakyat di negeri ini

terutama Pekan dan Rompin dinasihati berwaspada berikutan keadaan cuaca tidak menentu selepas hujan lebat sejak kelmarin.

Jurucakap Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang berkata, setakat jam 5 petang semalam, tiada mangsa banjir dipindahkan ke pusat pemindahan walaupun hujan sejak kelmarin.

Dua pelajar maut bot fiber dinaiki terbalik

Machang: Dua pelajar maut selepas bot fiber yang dinaiki mereka terbalik di kawasan banjir di Kampung Pertok, dekat sini, pagi semalam.

Mangsa, Mohammad Ariff Johan Mohd Noh, 13, dan Muhammad Zulkhairi Ab Talib, 15, masing-masing meninggal dunia sejurus pemeriksaan dilakukan di Klinik Kesihatan Temangan, dekat sini.

Kedua-dua mangsa menaiki bot itu bersama lima lagi rakan sekampung untuk bermain air di kolam ikan, kampung berkenaan, pada jam 10.15 pagi.

Lima rakan selamat

Bagaimanapun, lima lagi rakan selamat dalam kejadian itu.

Abang kepada Muhammad Zulkhairi, Mohd Zahari, 29, berkata sebelum kejadian itu, ibu mereka, Hanifah Mamat, 53, sempat berpesan supaya tidak keluar rumah sebaik selesai sarapan pagi, kira-kira jam 7.30 pagi.

Bagaimanapun, katanya, kira-kira tiga jam kemudian, mereka dikejutkan dengan berita Muhammad Zulkhairi, lemas.

Katanya, adiknya yang belajar di Sekolah Menengah Kebangsaan

(SMK) Temangan, tidak ke sekolah kerana laluan kampung berkenaan ditenggelami air sejak malam kelmarin, selain hujan yang berterusan.

Kejadian tak disangka

Beliau berkata, kejadian itu memang tidak disangka sama sekali kerana adik kelimanya itu tidak menunjukkan sebarang perubahan dengan keluarga.

"Mungkin ajalnya sudah tiba, tetapi kami reda dengan pemergian dan jenazahnya akan dikebumikan di kampung berkenaan sebaik bedah siasat selesai dilakukan," katanya ketika ditemui di Unit Forensik Hospital Machang, di sini, semalam.

Bapa kepada Mohammad Ariff, Mohd Noh Jusoh, 57, berkata beliau tidak mengetahui anaknya keluar sebelum kejadian itu.

Katanya, beliau hanya mengetahui sebaik dimaklumkan seorang rakan anaknya yang Mohammad Ariff lemas.

Ketua Polis Daerah Machang, Deputy Superintendan Che Malik Bedot, ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan kejadian berkenaan.



Kanak-kanak **tidak menghiraukan keselamatan** ketika naik di Kampung Buloh, Setiu. [FOTO ASWADI ALIAS/BH]

FAKTA NOMBOR



621 mangsa

banjir di Kelantan dipindahkan

173 mangsa

banjir di Terengganu dipindahkan

859 mangsa

banjir di Perak dipindahkan

22 sekolah

ditutup di Kelantan

16 sekolah

ditutup di Terengganu

BH Digital



Untuk lebih gambar sila layari
subscription.nstp.com.my